

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dan tindakan yang akan diambil terhadap kenyataan perkauman berkenaan "boikot peniaga-peniaga Cina" yang dikeluarkan oleh Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaacob, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

JAWAPAN: YB DATO'SERI DR. SHAHIDAN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, kenyataan yang dibuat oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tersebut di media sosial sebenarnya bertujuan untuk menegur para peniaga yang enggan menurunkan harga barang walaupun harga minyak dan diesel telah turun.

Teguran yang dibuat oleh beliau ditujukan kepada semua peniaga dan bukan kepada peniaga kaum tertentu. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kita akan terus membela dan menjaga kepentingan rakyat. Justeru dalam hal ini, Kerajaan mahukan para peniaga supaya bertimbang rasa dan bertanggungjawab dengan menurunkan harga barang dan perkhidmatan sejajar dengan penurunan harga minyak dan diesel agar tidak membebankan para pengguna.

Dalam hal ini juga, Kerajaan telah menerima penjelasan daripada Menteri berkaitan, berhubung kenyataan beliau tersebut. Kerajaan juga ingin menegaskan supaya sebarang pertelingkahan yang boleh membawa kepada polarisasi kaum di negara ini tidak sepatutnya dipanjangkan dan haruslah dihentikan demi kepentingan bersama.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 16 MAC 2015

RUJUKAN : 7515

SOALAN:

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan butiran terperinci mengenai syarikat perkhidmatan pengendalian visa yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia di Republik Rakyat China, syarat-syarat pelantikan, kos yang ditanggung oleh Kerajaan serta caj perkhidmatan yang ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, 1 Country 1 OSC merupakan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan di mana terdapat satu pengendali Pusat Sehenti (OSC) Visa Malaysia di setiap Negara asing yang mempunyai jumlah permohonan visa yang tinggi sebagaimana yang dipraktikkan oleh negara-negara maju yang menjadi tumpuan pelancong.

Melalui pelaksanaan dasar ini, kuasa memeriksa ketulenan pasport, mempertimbangkan, melulus dan mengeluarkan pelekat Visa Malaysia adalah kekal di bawah kuasa Pegawai Imigresen yang bertugas di Pejabat Perwakilan. Pihak OSC hanya berfungsi menerima, membuat semakan awal, merekodkan butiran permohonan secara elektronik menggunakan sistem Visa Luar Negara (VLN) serta menyerahkan dan mengambil semula passport pemohon di Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia dengan kaedah yang selamat dan sistematik.

Selain itu, penggunaan sistem VLN yang diintegrasikan dengan Sistem Induk MyIMMS serta sistem-sistem kawalan di Pintu Masuk Negara telah membolehkan para Pegawai Operasi dan Penguatkuasa mendapatkan informasi dan laporan bersepadu

yang lebih tepat dan terkini dalam menguruskan kemasukan para pelancong ke tanah air.

Syarikat Ultra Kirana Sdn. Bhd. Telah dilantik secara rasmi sebagai pengendali OSC untuk pengurusan permohonan Visa Malaysia dengan kerjasama Pejabat Perwakilan Malaysia di China. Pengendali OSC telah membangunkan Sistem Pengurusan dan Pemprosesan Permohonan Visa Malaysia Bersepadu dan menyediakan keperluan prasarana pejabat dan tenaga kerja OSC di lima (5) lokasi berkenaan tanpa mendatangkan apa-apa kos kepada Kerajaan Malaysia. Sistem dan prasarana juga diserahkan sepenuhnya kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) setelah ianya selesai dibangunkan, menjadikan ia milik Kerajaan 100%.

Sebagai timbal balas, pengendali OSC dibenarkan untuk mengoperasikan dan menyelenggara pejabat dan fasiliti OSC berserta sistem Pemprosesan Visa Malaysia bersepadu di China, serta dibenarkan mengenakan caj operasi pemprosesan Visa Malaysia sebanyak RMB120 (RM68 - berdasarkan kadar mata wang terkini) seperti yang berlaku pada hari ini.

Caj ini telah diperhalusi dan diterima oleh KDN setelah membuat perbandingan caj-caj pemprosesan visa negara-negara ASEAN yang lain dan negara-negara maju yang menjadi tumpuan pelancong, yang didapati jauh lebih tinggi berbanding Malaysia. Kadar tersebut juga dipersetujui setelah KDN dan Jabatan

Imigresen Malaysia (JIM) mengenalpasti dan memperhalusi kos-kos pembangunan dan operasi OSC di China yang tinggi, dalam memenuhi kepelbagaian skop kerja dan piawaian yang ditetapkan oleh KDN dan JIM.